

FPP BizNewz

January - May 2025

MANAGEMENT • INVESTMENT • ECONOMICS • ENTREPRENEURSHIP • TECHNOLOGY

DIGITAL MARKETING
in a digital age

BRAIN DRAIN

A Point of View in Malaysia

**MENTAL
HEALTH**

Bagaimanakah Penularan

**PLANKTON
MERBAHAYA**

*Memberi Kesan kepada
Usahawan Pesisiran Pantai*

B
LULUT
R
UNING



**PERANAN
MAJIKAN
DALAM
MENANGANI
TEKANAN KERJA
PEKERJA**

BUBU NAGA

Sekat Rezeki Nelayan Tradisional

**MOTIVATING
MINDS**

*How Lecturers Can Use Positive
Reinforcement to Boost*


HUTANG
Kawan atau Lawan?

Unik tapi Benar
KANTUNG MADU KELULUT BERBEZA

RINTANGAN INSULIN

Punca, Risiko dan Hubungannya dengan Diabetes

eISSN 2600-9811



9 772600 981003

Publication Date

1 June 2025

KENAPA KLINIK SWASTA MENJADI PILIHAN PENGGUNA ZAMAN SEKARANG?

NOR HAMIZA MOHD GHANI, NORLAILA IBRAHIM

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA CAWANGAN TERENGGANU, TERENGGANU, MALAYSIA

EMEL KORESPONDEN: NORHA825@UITM.EDU.MY

Dewasa ini, keperluan untuk mendapatkan perkhidmatan kesihatan yang cekap dan berkualiti semakin mendesak. Jika dahulunya klinik dan hospital swasta mungkin dianggap sebagai pilihan sekunder berbanding perkhidmatan kesihatan awam, tetapi kini ianya semakin mendapat tempat dalam kalangan pengguna. Klinik dan hospital swasta sering dikaitkan dengan kos perubatan tinggi, namun permintaan terhadap perkhidmatannya semakin meningkat (Berita Harian, 2024). Berdasarkan data AON (2024), kadar inflasi perubatan Malaysia ialah sebanyak 11.9% dilaporkan lebih tinggi berbanding negara-negara jiran seperti Indonesia (10.1%), Singapura (9.5%) dan Thailand (7.1%). Fenomena inflasi perubatan ini bukan sahaja berlaku di Malaysia malah negara-negara lain di seluruh dunia juga turut bergelut dengan cabaran peningkatan kos penjagaan kesihatan yang mengatasi pertumbuhan gaji. Namun begitu, permintaan untuk perkhidmatan perubatan swasta terus mendapat permintaan dalam kalangan masyarakat. Terdapat beberapa faktor utama telah dikenal pasti sebagai punca kepada situasi ini, antaranya masa menunggu yang lebih singkat, layanan mesra pesakit, lokasi yang strategik, kepelbagaian perkhidmatan yang ditawarkan, teknologi perubatan terkini serta keterjaminan privasi pesakit itu sendiri.

Masa menunggu yang lebih singkat berbanding hospital atau klinik kerajaan merupakan salah satu kelebihan utama klinik dan hospital swasta. Dalam era yang serba pantas ini, pesakit semakin menghargai masa mereka, terutamanya golongan profesional dengan jadual harian yang padat. Selain masa menunggu yang lebih singkat, pesakit juga boleh menjadualkan janji temu lebih awal melalui sistem tempahan janji temu yang lebih sistematik dan cekap, sekaligus mengurangkan masa menunggu serta dapat memberikan pengalaman rawatan yang lebih selesa kepada pesakit.

Selain itu, klinik dan hospital swasta biasanya menawarkan layanan yang lebih mesra, dengan memberi penekanan kepada hubungan yang baik antara doktor dan pesakit. Berbanding dengan sistem kesihatan di klinik atau hospital awam yang sering berdepan dengan jumlah pesakit yang tinggi, serta jadual yang padat, doktor di klinik atau hospital swasta biasanya mempunyai lebih banyak masa untuk berbincang secara terperinci mengenai keadaan kesihatan pesakit. Selain itu, kesinambungan rawatan juga menjadi kelebihan utama, kerana pesakit sering dirujuk kepada doktor yang sama pada setiap sesi rawatan. Hal ini membolehkan doktor lebih mudah mengingat sejarah perubatan pesakit serta memantau perkembangan rawatan secara berterusan. Pendekatan ini bukan sahaja meningkatkan kepercayaan antara doktor dan pesakit, malah mewujudkan pengalaman rawatan yang lebih selesa, menyenangkan, dan meyakinkan.

Lokasi sesebuah klinik atau hospital swasta juga turut mempengaruhi pemilihan sesebuah pusat perubatan oleh pesakit. Lazimnya, klinik atau hospital swasta terletak di pusat bandar, dalam pusat beli-belah, atau kawasan taman perumahan, memberikan akses yang lebih mudah kepada pesakit untuk mendapatkan rawatan. Selain itu, waktu rawatan yang ditawarkan juga lebih fleksibel, termasuk perkhidmatan pada hujung minggu dan waktu malam. Ini memberikan nilai tambah kepada pesakit yang memerlukan rawatan di luar waktu bekerja, malah banyak kemudahan klinik dan hospital yang menawarkan perkhidmatan 24 jam. Kemudahan masa fleksibel ini amat penting bagi pesakit yang memerlukan rawatan segera seperti rawatan *nebulizer* bagi pesakit asma atau lelah.

Kepelbagaian perkhidmatan disediakan juga antara faktor lain yang turut menarik pengguna bagi mendapatkan klinik atau hospital swasta. Perkhidmatan ini merangkumi rawatan am, pemeriksaan kesihatan, imunisasi dan rawatan khusus seperti pergigian, fisioterapi dan estetik. Kecekapan sistem rawatan di klinik dan hospital swasta membolehkan pesakit menerima perkhidmatan tanpa perlu menunggu lama untuk mendapatkan giliran rawatan atau temu janji. Selain itu, terdapat juga klinik dan hospital swasta yang menawarkan perkhidmatan khas seperti suntikan vaksin bagi jemaah haji dan umrah, prosedur berkhatan, serta pelbagai rawatan lain yang memenuhi keperluan pesakit dengan lebih mudah, selesa dan pantas.

Klinik dan hospital swasta juga biasanya bersedia melaburkan wang dalam teknologi terkini bagi menyediakan diagnosis dan rawatan yang lebih cekap dan berkesan. Penggunaan peralatan dan sistem pengurusan pesakit digital moden dan canggih juga mempercepatkan proses rawatan, sekaligus meningkatkan kecekapan dan menyumbang kepada pengalaman kesihatan yang lebih mudah dan produktif. Sebagai contoh, antara rawatan yang menarik perhatian ibu mengandung adalah pemeriksaan ultrasound bayi, di mana ibu bapa berpeluang mengetahui jantina, keadaan kesihatan dan rupa bayi dalam kandungan. Terdapat juga klinik swasta yang menawarkan pelbagai jenis imbasan atau baby scan termasuk ultrasound 3D, 4D, 5D, 6D malah 7D yang membolehkan ibu bapa melihat pergerakan dan rupa bayi mereka dengan lebih jelas.

Pengguna hari ini juga lebih mementingkan privasi, terutamanya dalam penjagaan kesihatan. Klinik swasta mempunyai ruang menunggu yang lebih kecil dan suasana lebih eksklusif dan tenang. Sebagai contoh, terdapat klinik dan hospital swasta yang menyediakan ruang permainan khas untuk memberi keselesaan dan keseronokan kepada pesakit terutamanya kanak-kanak.

Ringkasnya, pilihan orang ramai terhadap klinik swasta mencerminkan perubahan keperluan masyarakat yang mahukan perkhidmatan kesihatan yang cekap, selesa dan berkualiti tinggi. Klinik dan hospital swasta kini menjadi pilihan utama bagi mereka yang menghargai pengalaman rawatan yang lebih baik seperti masa menunggu yang singkat, perkhidmatan yang mesra, lokasi yang strategik, dan penggunaan teknologi perubatan terkini. Walaupun kos rawatan di klinik dan hospital swasta lebih mahal, ramai pesakit bersedia membayarnya demi kemudahan, keselesaan dan akses rawatan yang lebih pantas. Dengan pendekatan yang mengutamakan keperluan individu, klinik dan hospital swasta terus memainkan peranan penting dalam memenuhi keperluan kesihatan masyarakat moden secara holistik dan efisien.

Rujukan:

Aon. (2024, Oktober 25). Q3 2024: Global Insurance Market Overview. Aon. <https://www.aon.com/en/insights/articles/global-insurance-market-overview-q3-2024>

Nur Amira Mohd Hedzer. (2024, Disember 28). Permintaan khidmat kesihatan swasta dijangka meningkat 2024. Berita Harian. <https://www.bharian.com.my/bisnes/lain-lain/2023/12/1193572/permintaan-khidmat-kesihatan-swasta-dijangka-meningkat-2024>



BizNewz 2025
Faculty of Business and Management
Universiti Teknologi MARA Cawangan Terengganu, Kampus Dungun
Sura Hujung, 23000 Dungun, Terengganu, MALAYSIA
Tel: +609-8400400
Fax: +609-8403777
Email: biznewzitm@gmail.com